

23 AUG 2000

Pokok-Rekod

MALAYSIA CADANG CATAT REKOD DUNIA TANAM 100,000 POKOK SEMINIT

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menggembeleng tenaga dengan ribuan rakyat Malaysia untuk menanam 100,000 batang pokok serentak dalam masa satu minit bagi mencipta rekod baru dunia pada 15 Okt ini.

Rekod dunia kini dipegang oleh Brazil sejak 1996 apabila rakyatnya menanam 24,159 batang pokok dalam masa seminggu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata 100,000 orang di seluruh negara diketuai oleh Dr Mahathir akan menanam serentak selepas isyarat "mula" disiarkan menerusi radio dari tapak pelancaran di Taman Bukit Jalil di sini.

"Kempen induknya telah dilancarkan pada 1996 oleh Perdana Menteri yang mensasarkan tiga juta pokok ditanam menjelang akhir tahun 2000," katanya pada persidangan media semasa mengumumkan kesinambungan kempen itu yang dinamakan Sumbangan Pokok Alaf Baru Untuk Negara.

Kempen "Gift Of Trees to Green the Nation" yang dibuat pada 1996 berjaya menanam 2.3 juta pokok dan hanya tinggal beberapa bulan lagi untuk mencapai sasaran tiga juta.

Ong berkata usaha itu bukan sekadar untuk rekod dunia tetapi yang lebih penting demi alam sekitar.

Beliau berkata 100,000 pokok itu akan berupaya menyerap 1,300 tan debu dan 600,000 kg gas karbon dioksida setiap tahun bermula tahun 2020 dan membantu "menyejukkan" Malaysia.

Ong berkata, Jabatan Landskap Negara (JLN) akan membelanjakan RM1 juta untuk menjayakan kempen itu, berupa kos bagi 100,000 pokok dengan setiap batang berharga RM10.

"Orang ramai atau organisasi boleh turut serta dalam bentuk derma atau menanam pokok itu semasa acara dengan cara membeli pokok dari penganjur," katanya.

Penganjur bersama terdiri daripada Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kelab Lions, One Earth Enterprise dan Persatuan Penilai dan Perunding Harta Swasta Malaysia serta mendapat sokongan kementerian itu.

Pengerusi Kumpulan Penanam Pokok MNS John S C Loh berkata derma boleh dibuat melalui pembelian hadiah paling sentimental iaitu pokok, kerana pokok yang akan ditanam itu akan dijaga sehingga generasi akan datang.

"Bayangkan anda membeli pokok untuk anak... 30 tahun kemudian, dia akan datang melihat rekod hayat pokok itu malah mengesan di mana pokok itu," katanya.

Mereka yang berminat boleh menghubungi MNS melalui talian 03-22879422.

-- BERNAMA

SLR AZZ NMO